

# Model Pembangunan Insan Soleh Kamil AD-DIN (PISKA) Berdasarkan Teori Perubahan Akhlak al-Ghazali dalam Pengajian Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS) di Politeknik

**BITARA**Volume 3, Issue 4, 2020: 163-176  
© The Author(s) 2020  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [AD-DIN Soleh Kamil Human Development Model (PISKA) Based on Al-Ghazali's Theory of Moral Change in the Study of Islamic Civilization Asian Civilization (TITAS) at the Polytechnic]

Mohamad Faisal Ahmad<sup>1</sup>, Hashim Mat Zin<sup>1</sup> & Hajaratul Adhwa' Ahmad Kuthi<sup>1</sup>

### Abstrak

Artikel ini merupakan satu kajian bagi cadangan membentuk serta membangunkan satu model pembangunan insan Soleh Kamil Ad-Din (PISKA) berdasarkan kepada Teori Perubahan Akhlak Al-Ghazali dalam Pengajian Tamadun Islam Tamadun Asia(TITAS) bagi pelajar di Politeknik Malaysia. Secara dasarnya walaupun banyak kajian dalam bidang pendidikan Islam telah dijalankan, namun masih lagi belum terdapat perubahan yang ketara dalam membentuk serta merangka banyak model falsafah pendidikan Islam yang dapat dijadikan dasar untuk merancang dan mereka-bentuk program-program pendidikan Islam yang bertujuan untuk membangunkan insan Soleh kamil dalam konteks sistem pendidikan berteraskan Islam di Peringkat Politeknik. Antara teori yang akan diketengahkan adalah melalui teori perubahan sosial yang diperkenalkan oleh Al-Ghazali iaitu teori tentang kaedah tazkiyah al-nafs, teori tentang Mujahadah, teori tentang Riyadhah dan Teknik terapi kesihatan. Kajian ini bertujuan untuk memperolehi faktor-faktor penyumbang terhadap pembangunan insan yang sempurna dalam konteks pengajian Tamadun Islam Tamadun Asia(TITAS) di Politeknik dan juga untuk mengaitkan faktor-faktor tersebut dalam bentuk gambarajah yang dinamakan sebagai Model Pembangunan Insan Soleh Kamil Ad-Din (PISKA). Secara amnya kajian ini telah dijalankan berdasarkan paradigma kajian kualitatif dan secara khususnya antara langkah-langkah kajian yang dijalankan nanti adalah berdasarkan seperti berikut iaitu pemilihan fenomena kajian dan pembentukan persoalan kajian, mengenalpasti metodologi kajian, mengenalpasti responden kajian, pengumpulan dan penganalisan data awal (tinjauan literatur) dan kajian lapangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor yang menyumbangkan terhadap pembangunan insan soleh Kamil Ad-Din (PISKA) berdasarkan teori Perubahan Akhlak Al-Ghazali. Kajian ini juga telah menjanakan ciri-ciri insan soleh kamil berdasarkan teori Perubahan Akhlak Al-Ghazali dan ditunjukkan juga melalui peta model yang seharusnya menjadi hasil akhir model kajian.

### Kata kunci:

Model pembangunan insan soleh kamil Ad-Din, Teori Perubahan Akhlak Al-Ghazali, Faktor-faktor pembangunan insan kamil.

### Abstract

This article is a study for the proposal to form and develop a human development model Soleh Kamil Ad-Din (PISKA) based on Al-Ghazali's Theory of Moral Change in the Study of Islamic Civilization Asian

<sup>1</sup> Politeknik Ibrahim Sultan, KM 10 Jalan Kong-Kong, 81700 Pasir Gudang, Johor, MALAYSIA

### Corresponding Author:

MOHAMAD FAISAL AHMAD, Politeknik Ibrahim Sultan, KM 10 Jalan Kong-Kong, 81700 Pasir Gudang, Johor, MALAYSIA  
E-mail: [hj.faisal47@yahoo.com](mailto:hj.faisal47@yahoo.com)

Civilization (TITAS) for students at Malaysian Polytechnic. Basically, although many studies in the field of Islamic education have been conducted, there is still no significant change in forming and formulating many philosophical models of Islamic education that can be used as a basis for planning and designing Islamic education programs aimed at developing pious people. perfect in the context of the Islamic-based education system at the Polytechnic Level. Among the theories that will be highlighted are through the theory of social change introduced by Al-Ghazali, namely the theory of the method of tazkiyah al-nafs, the theory of Mujahadah, the theory of Riyadhah and the technique of health therapy. This study aims to obtain the contributing factors to the perfect human development in the context of the study of Islamic Civilization Asian Civilization (TITAS) at the Polytechnic and also to relate these factors in the form of diagrams called the Model of Human Development Soleh Kamil Ad-Din (PISKA). In general, this study was conducted based on the qualitative research paradigm and in particular among the research measures conducted later is based on the following, namely the selection of research phenomena and the formation of research questions, identifying research methodologies, identifying study respondents, data collection and analysis. and field study. The findings of the study show that the factors that contribute to the development of pious people Kamil Ad-Din (PISKA) based on Al-Ghazali's theory of Moral Change. This study has also generated the characteristics of a perfect pious person based on Al-Ghazali's theory of Moral Change and is also shown through a model map that should be the end result of the study model.

**Keywords:**

Ad-Din's perfect pious human development model, Al-Ghazali's Theory of Moral Change, Perfect human development factors.

**Cite This Article:**

Mohamad Faisal Ahmad, Hashim Mat Zin & Hajaratul Adhwa' Ahmad Kuthi. 2020. Model pembangunan insan soleh kamil ad-din (PISKA) berdasarkan teori perubahan akhlak al-Ghazali dalam Pengajian Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS) Di Politeknik. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 163-176

## Pengenalan

Malaysia sebagai satu negara maju menjelang tahun 2020 merupakan impian Negara yang terkandung dalam Wawasan 2020. Usaha negara menuju status negara maju dengan ekonomi yang berdaya saing berteraskan dari pelbagai sektor menjadikan kepentingan pendidikan dari aspek yang pelbagai tidak dapat disangkal lagi (Azhar, 2013). Oleh itu cabaran utama yang perlu dipikul oleh sektor pendidikan Islam negara adalah untuk menyeimbangkan tuntutan semasa, iaitu menghasilkan sumber tenaga yang berteraskan kepada ciri-ciri Islam dan mempunyai sikap serta potensi diri jitu dan unggul bagi memenuhi keperluan Negara, di samping tuntutan agama yang bertujuan menghasilkan insan dengan sahsiah mulia dan mampu memikul tanggung jawab terhadap diri, masyarakat dan Negara (Mohd Jailani bin Mohd Nor, 2007). Keupayaan sektor pendidikan Islam dalam menyeimbangkan kedua-dua tuntutan ini menjadi salah satu jalan untuk tercapainya hasrat mewujudkan masyarakat madani dan seterusnya negara maju berteraskan kepada ciri-ciri yang diredhai yang maha esa serta mempunyai pembangunan yang seimbang dari segi keinsanan dan kebendaannya (Madar, Izzah, & Saifulnizam, 2005).

## Latar Belakang Kajian

Berdasarkan kepada teori perubahan sosial sesuatu masyarakat dan hubungannya dengan pembangunan insan, kita dapat menghubungkan beberapa teori besar (*Grand Theory*) yang diperkenalkan oleh Al-Ghazali. Antaranya ialah:

1. Teori tentang kaedah tazkiyah al-nafs, Dalam kaitannya dengan pembinaan akhlak al-Ghazali membandingkan kaedah ini dengan cara pembinaan badan. Untuk menghindarkan badan dari rasa sakit yaitu dengan menjauhi sumber-sumber yang menjadi penyakit badan, demikian pula dengan jiwa. Untuk menghindarkan jiwa dari penyakit maka haruslah menjauhi sumber-sumber yang menjadi penyakit jiwa. Adapun jiwa yang sakit harus disucikan sebagaimana pengobatan bagi badan yang sakit. Kaedah ini terdiri dari dua langkah yaitu takhliyah al-nafs dan tahliyah al-nafs. Takhliyah al-nafs adalah usaha penyesuaian diri melalui pengosongan diri dari sifat-sifat tercela. Sedangkan tahliyah al-nafs merupakan penghiasan diri dengan moral dan sifat terpuji (Al-Ghazali, 2002).
2. Teori tentang Mujahadah (bersungguh-sungguh), maksudnya adalah memotivasi diri sendiri untuk mencapai suatu tujuan tertentu dengan cara memusatkan perhatian (konsentrasi) kepada tercapainya suatu tujuan dan kreativiti tanpa terganggu oleh dorongan nafsu, kecemasan, atau adanya ancaman (rintangan), atau pengaruh orang sekitarnya sehingga ia tetap teguh dengan motivasi dan penumpuannya (Al-Ghazali, 2002).
3. Teori tentang Riyadhah secara bahasa berarti latihan jiwa. Secara istilah sebagaimana dipergunakan oleh al-Ghazali, berarti memperbaiki akhlak dan mengubati penyakit hati atau batin agar jiwa menjadi bersih atau sehat. Seperti halnya doktor mengubati penyakit (badan) para pesakitnya. Penyakit hati lebih berbahaya daripada penyakit badan. Penyakit badan jika tidak diubati hanya akan mengakibatkan sakit yang berkepanjangan atau kematian, sedangkan penyakit hati jika tidak diubati maka akan mendatangkan kecelakaan hidup di dunia maupun di akhirat (Al-Ghazali, 2002).
4. Teknik terapi kesehatan. Teknik ini bertujuan untuk menanamkan kebaikan-kebaikan dalam jiwa. Menurutnya kebaikan dan keburukan dapat diakses dengan mudah sejauh kebaikan dan keburukan itu benar telah tercantum dalam syari'at dan adab. Dalam hal mengubati jiwa dan hati seorang murid, seorang guru dipandang sangat penting sebagaimana seorang doktor yang mengubati pesakitnya. Oleh karena itu pertamanya guru harus mengetahui keburukan yang ada pada jiwa dan hati seorang muridnya (Al-Ghazali, 2002).

Cabaran utama yang perlu dilaksanakan dalam teori Al-Ghazali dalam pembangunan insan adalah untuk menyeimbangkan tuntutan semasa, menghasilkan modal insan dengan sahsiah mulia dan mampu memikul tanggungjawab terhadap diri, masyarakat dan Negara (Alavi, 2007). Keupayaan Pendidikan Islam dalam menyeimbangkan kedua-dua tuntutan ini menjadi salah satu jalan untuk tercapainya hasrat mewujudkan masyarakat madani dan

seterusnya Negara maju berteraskan sains dan teknologi yang mempunyai pembangunan seimbang dari segi keinsanan dan kebendaannya.

Hasilnya, ilmu yang diperolehi adalah ilmu empirikal yang putus daripada ilmu ketuhanan atau ilmu agama amnya dan ilmu tauhid khususnya (Roziq Syaifudin, 2013). Kepentingan nilai kepercayaan kepada Tuhan yang seharusnya menjadi asas pembangunan nilai murni, peningkatan daya intelek, penguasaan kemahiran belajar dan perolehan ilmu pengetahuan dalam diri pelajar. Selain itu, ilmu yang diterapkan hanyalah di sekitar ilmu akal dan tiada kesepaduan antara ilmu aqli (akal) dengan ilmu naqli (wahyu). Kedua-dua perkara ini dianggap penting jika ingin menghasilkan insan seimbang melalui proses pendidikan dengan iman sebagai asas bagi pembangunan insan yang sedemikian (Mokhtar, Mohd Jailani, Tamuri, & Abdul Ghani, 2011). Ilmu akal pula dianggap sebagai “makanan” manakala ilmu agama dianggap sebagai “ubat” untuk insan, agar ia menjadi insan yang bahagia dan selamat di dunia dan akhirat.

## Persoalan Kajian

Senario pengajaran Pendidikan berteraskan Islam dalam sistem pendidikan Islam kebangsaan menunjukkan bahawa pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan masih belum mengalami perubahan yang begitu ketara. Penulis menyedari bahawa tidak terdapat banyak model falsafah pendidikan Islam yang dapat dijadikan dasar untuk merancang dan merekabentuk program-program pendidikan Islam yang bertujuan untuk membangunkan insan Soleh kamil dalam konteks sistem pendidikan berteraskan Islam di Peringkat Politeknik. Oleh yang demikian, persoalan yang hendak dikaji dalam kajian ini ialah “Model falsafah pendidikan Islam yang bagaimanakah berupaya menjadi dasar perancangan dan reka bentuk program pendidikan Islam yang bertujuan melahirkan insan Soleh yang kamil atau sempurna”.

## Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memperolehi faktor-faktor penyumbang terhadap pembangunan insan yang sempurna dalam konteks pengajian Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS) di Politeknik, Kedua, kajian ini bertujuan untuk mengaitkan faktor-faktor tersebut dalam bentuk gambarajah yang dinamakan sebagai Model Pembangunan Insan Soleh Kamil Ad-Din (PISKA).

## Metodologi Kajian

### Reka Bentuk Kajian

Secara amnya kajian ini telah dijalankan berdasarkan paradigma kajian kualitatif dan secara khususnya menggunakan *grounded theory* (Corbin, J., & Strauss, 2008). Langkah-langkah kajian yang telah dijalankan adalah seperti berikut, 1. Pemilihan fenomena kajian dan pembentukan persoalan kajian. 2. Mengenal pasti metodologi kajian. 3. Mengenal pasti

responden kajian, 4. Pengumpulan dan penganalisisan data awal (tinjauan literatur) dan 5. Kajian lapangan

### **Pemilihan Responden Kajian**

Pemilihan responden secara teorinya telah didasarkan kepada konsep pensampelan teoretis (Corbin, J., & Strauss, 2008; Nor Hayati Alwi, 2001). Pensampelan teoritis bermaksud pensampelan yang dilakukan berdasarkan konsep atau kategori yang terbukti penting untuk perkembangan model yang sedang berkembang (Corbin, J., & Strauss, 2008; Nor Hayati Alwi, 2001). Secara praktiknya, responden telah dipilih berdasarkan ciri-ciri berikut, mempunyai kelayakan akademik tertinggi, melibatkan diri dalam program pembangunan insan kamil di tempat belajar, mempunyai pemikiran dalam bidang-bidang berkait fenomena kajian, berupaya berkomunikasi dengan pengkaji dan dipilih daripada bidang-bidang Pendidikan Islam terutamanya pembangunan insan.

### **Pendidikan Islam di Malaysia**

Rasulullah SAW meninggalkan kepada umatnya al-Quran dan al-sunnah sebagai panduan untuk mereka berada di jalan yang lurus dan tidak akan sesat selama-lamanya. Sabda Baginda SAW: “Aku tinggalkan kepadamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang teguh kepada keduanya iaitu al-Quran dan sunnahku”. (al-Bukhari dan Muslim)

Menurut Islam, kedua-dua sumber ini sebagai panduan dan rujukan dalam aktiviti seharian umat Islam. Imam al-Ghazali menyatakan tujuan pendidikan Islam adalah kembali kepada Allah S.W.T, bukan untuk mendapatkan pangkat, kepimpinan, bermegah-megah dan berlumba-lumba. Ibn Khaldun pula membahagikan pendidikan Islam kepada dua iaitu tujuan keagamaan dan keduniaan. Tujuan keagamaan adalah membentuk peribadi yang taat beragama. Seperti mana firman Allah SWT yang berbunyi : “Celupan Allah dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah? Dan kepada-Nya kita menyembah.” (Surah al-Baqarah: 138) Sementara itu, keduniaan pula merujuk kepada tingkah laku berdikari bagi menghadapi kehidupan di dunia.

Ab. Halim Tamuri et al., (2011) membuat kesimpulan bahawa para sarjana dan cendekiawan Islam mempunyai pemikiran dan pendapat yang sama mengenai pendidikan Islam dengan meletakkan al-Quran dan al-sunnah sebagai tempat teratas. Beliau merumuskan pendidikan Islam harus berperanan untuk membentuk peribadi yang memenuhi ciri-ciri insan kamil iaitu (i) Mempunyai keimanan yang teguh; (ii) Patuh dan tekun menjalankan perintah Allah S.W.T. dan menjauhi larangan-Nya; (iii) Mempunyai akhlak yang luhur serta sikap sosial yang baik; (iv) Memiliki ilmu pengetahuan dan kematangan intelektual yang tinggi; (v) Mampu berdikari dalam segala aspek; dan (vi) Bersedia memikul tanggungjawab agama.

Pendidikan Islam di Malaysia bermula secara formal pada tahun 1960-an apabila kerajaan melaksanakan undang-undang peraturan yang didasarkan kepada Laporan Rahman Talib. Laporan ini membentuk Akta Pelajaran 1961 pada Seksyen 36 (1) tercatat bahawa “pendidikan agama Islam hendaklah diberikan kepada murid-murid beragama Islam di setiap sekolah yang terdiri 15 orang atau lebih murid yang beragama Islam.” Pelaksanaan pendidikan

agama Islam ini diuruskan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran yang mengendalikan segala kegiatan yang berhubung dengan pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah (Mohd Roslan, Mohd Nor, Wan Mohd Tarmizi, 2011).

Pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi pula bermula secara formal pada tahun 1955 setelah Kolej Islam Malaya ditubuhkan di Klang, Selangor. Pada tahun 1959, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera, Universiti Malaya ditubuhkan hasil kerjasama di antara Kolej Islam Malaya dan Universiti Malaya. Seterusnya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah ditubuhkan Fakulti Pengajian Islam untuk memberi peluang Pendidikan Islam yang lebih luas kepada masyarakat. Selain itu, Bahagian Pendidikan Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah universiti pertama yang menjadikan Pendidikan Islam sebagai keutamaan. Unit Pendidikan Islam ditubuhkan pada tahun 1972 yang menyelaraskan kuliah pendidikan agama Islam kepada mahasiswa UTM. Begitu juga selaras dengan pendidikan Islam, UiTM mengorak langkah dengan memperkenalkan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dimana dahulunya dikenali Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) pada tahun 2013. Tujuannya adalah satu iaitu mendidik dan menyampaikan ajaran Islam yang lebih padu dalam membentuk akhlak peribadi siswa-siswi bagi mencapai insan soleh seimbang dunia dan akhirat. Sehingga kini boleh dikatakan hampir semua universiti awam mempunyai Pusat Islam masing-masing.

Pendidikan Islam juga diperkenalkan di institusi pengajian tinggi Malaysia apabila kursus Tamadun Islam diwajibkan kepada semua mahasiswa dengan tujuan setiap orang daripada warganegara Malaysia yang mendapat pendidikan tinggi di universiti akan mengenali Islam dan ajaran-ajarannya sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara. Ini menunjukkan kepada kita bahawa pendidikan Islam telah dititikberatkan dari sekolah rendah hinggalah ke institusi pengajian tinggi bagi memberi ruang kepada pelajar untuk mendapatkan pengetahuan dan diterapkan dengan nilai dan falsafah pendidikan Islam tersebut. Tidak dinafikan oleh kita kejayaan ahli saintis Islam dahulu adalah kerana takwa dan keupayaan mereka bertafakur bagi menganalisis penciptaan alam dan direalisasikan dengan galakan yang berterusan dan mantap daripada al-Quran, hadis, kata-kata mutiara ulama dan sokongan padu khalifah Islam (Abdul Rahman et al., 2004; Mohd Fauzi Hamat, 2012).

Pendidikan Islam adalah pemangkin kepada pembentukan nilai dan keluhuran moral pelajar dan masyarakat Islam khususnya di Malaysia. Peranan pendidikan Islam telah terbukti berjaya melahirkan sebuah tamadun yang menguasai sepertiga dunia sehingga menjadi warisan pemodenan dunia hari ini hingga diakui oleh seorang tokoh usahawan Amerika Syarikat, Carleton S. Fiorina, CEO Hewlett-Packard Company pada 26 September 2001 di Minneapolis, Minnesota. Begitu juga masyarakat luar melihat pendidikan Islam yang dilaksanakan dahulu mampu membuat perubahan dan memberi sumbangan kepada seluruh dunia (Abiddin, 2014).

Walaupun begitu di sebalik kejayaan sistem pendidikan Islam yang diperkenalkan, masih terdapat juga kegagalannya. Ini mungkin disebabkan nilai yang diajar dan diterapkan tidak dapat membawa pelajar untuk mengenali Allah SWT serta mencetuskan perubahan dalam diri mereka. Akal fikiran pelajar jika dilihat pada hari ini adalah lebih baik dan dianggap maju, tetapi mereka tidak boleh membezakan mana yang baik dan buruk.

## Tamadun Islam Tamadun Asia di Politeknik

Kursus Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS) di peringkat Politeknik adalah merupakan suatu kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar muslim dan Non Muslim, iaitu di peringkat Ijazah Sarjana Muda Politeknik Malaysia. Di peringkat Politeknik kursus ini merupakan suatu kursus baru di mana pelajar yang beragama Islam dan bukan Islam adalah diwajibkan mengambil kursus ini dan wajib lulus.

Idea untuk memperkenalkan kursus ini di peringkat Politeknik Malaysia adalah bertujuan bagi memberi pendedahan kepada pelajar agar benar-benar memahami konsep dan prinsip serta pendedahan tentang Islam, dengan harapan semoga pada masa akan datang tidak lagi timbul sebarang kecurigaan mengenai pendirian Islam dalam segala masalah atau isu semasa (Ghazali Darusalam, 2008).

Walaupun Islam ialah agama rasmi bagi Negara Malaysia, banyak pelajar Islam sendiri kurang pengetahuan tentang cara hidup Islam yang dibina atas asas sistem nilai dan pandangan semesta Islam. Kebanyakan masyarakat Islam mengetahui Islam sebagai agama sahaja dalam pengertian yang sempit iaitu sebagai suatu sistem ritual. Tidak kurang banyaknya orang Islam yang mempunyai cara berfikir dan berkelakuan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip dan peradaban Islam. Oleh itu pendedahan kepada subjek Islam yang bersifat “*world-affirmative*” akan menimbulkan penghayatan yang lebih baik untuk diri mereka sendiri dan untuk menyumbang secara lebih positif kepada usaha untuk memajukan bangsa dan Negara. Justeru, sukatan pelajaran yang disediakan adalah sesuai digunakan bagi para pelajar agar dapat direalisasikan dalam kehidupan mereka (Firdaus et al., 2013).

Kursus Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS) merupakan kursus wajib diambil oleh pelajar yang beragama Islam dan bukan Islam Di Peringkat Politeknik Malaysia. Ia mempunyai sukatan serta kurikulum yang tersendiri. Secara dasarnya kursus Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS) di Politeknik ini adalah bertujuan untuk membentuk individu yang mempunyai sahsiah diri yang tinggi dan di waktu yang sama dapat mendalami tentang pengaruh Islam yang terdapat pada tamadun-tamadun dunia serta menyumbang untuk pembangunan Negara.

Di peringkat IPTA Keseluruhan kursus yang berteraskan Islam asas sifatnya adalah lebih menjurus kepada pendedahan ke arah konsep-konsep asas berkenaan Ketuhanan, kemanusiaan, alam kehidupan, asas-asas ibadah dan akhlak. Umumnya ia dinamakan sebagai Tamadun Islam dan juga Pendidikan Islam (Visi Politeknik Malaysia, 2014). Ia merupakan mata pelajaran wajib ke atas seluruh IPT. Masa yang diperuntukkan ialah selama 3 jam kredit seminggu atau lebih dalam sesuatu semester. Bagi Politeknik sendiri masa yang diperuntukkan untuk subjek ini adalah sebanyak 3 jam seminggu bagi sesuatu semester, di mana para pelajar hanya akan mengambil subjek ini sekali sahaja sepanjang sesi pengajian.

## **Keputusan Teori Pembangunan Akhlak al-Ghazali**

Berdasarkan perbincangan dapatlah dikenal pasti kepentingan-kepentingan kajian ini dilakukan antaranya:

1. Kajian ini juga membuka ruang kepada penerokaan Model pembangunan akhlak Al-Ghazali atau pembangunan modal insan.
2. Kajian ini akan menjadi rujukan kepada pembangunan model-model pembangunan sahsiah atau akhlak yang boleh diguna pakai oleh institusi-institusi kerajaan dan swasta. Ianya bertepatan dengan dasar dan falsafah pendidikan negara yang memberi penekanan terhadap melahirkan insan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Ini secara tidak langsung membantu kerajaan dalam membentuk modal insan yang terbilang.
3. Kajian ini dapat menjadi asas kepada program pembangunan modal insan, sahsiah, akhlak dan kemahiran insaniah di IPT khususnya bagi melahirkan mahasiswa yang mampu menghadapi cabaran globalisasi masa kini.
4. Kajian ini penting kerana hasil dapatan dapat menyumbang kepada penambahbaikan model-model pembangunan insan yang sedia ada di Politeknik khususnya dan di IPT amnya yang tidak berasaskan kepada konsep serta Teori model pembangunan akhlak bersumber dari al-Qur'an.
5. Kajian ini dapat membantu misi dan visi Politeknik dalam menghasilkan graduan kelas pertama.

## **Model Pembangunan Insan Soleh Kamil Ad-Din (PISKA)**


Falsafah Pendidikan Islam menjelaskan kepada kita bahawa pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan yang bersepadu dalam menyampaikan ilmu bagi membentuk diri, mengasuh peribadi, membina kemahiran diri dan menjadi contoh tauladan dalam penghayatan cara hidup Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah dengan meningkatkan potensi diri dari sudut spiritual, fizikal, intelek, emosi dan sosial agar menjadi manusia yang bertanggungjawab terhadap Allah, manusia dan persekitaran alam ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (Kusharyati, 2009).

Menurut Al-Syaibany dalam (Roziq Syaifudin, 2013) , Falsafah Pendidikan Islam merupakan falsafah pendidikan yang berteraskan ruh Islam dalam pendidikan. Dengan lebih jelasnya ia menyediakan manusia dengan dan ilmu pengetahuan yang cukup agar kenal dirinya serta tugas dan tanggungjawabnya, serta mengetahui cara untuk menjalankan atau melaksanakan tanggungjawabnya sebagai hamba dan khalifah Allah. Sekiranya tugas dan tanggungjawab dijalankan dengan baik maka terbentuklah insan soleh sempurna.



## Cadangan Pelaksanaan

Model Pembangunan Akhlak al-Ghazali



Antara metodologi cadangan pelaksanaan Model Pembangunan Insan Soleh Kamil Ad-Din di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS) adalah menjelaskan kepada pelajar ketika pertemuan dengan pelajar di dalam kelas mereka tentang perkara-perkara berikut: Adab-adab / akhlak seorang pelajar (amanah), niat belajar, tujuan belajar, pensyarah diminta menyatakan 3 persoalan asas kehidupan manusia di dunia ini (Siapa kita? Apa tujuan hidup kita? dan ke mana kita akan pergi? berhubung dengan prinsip kehidupan pelajar. Pensyarah memulakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di dalam kelas dengan menyampaikan tazkirah/sumbang saran (pelajar) yang berkaitan dengan salah satu dari sumber seperti, ayat al-Quran dan pengajarannya dengan isu semasa, hadis Rasulullah saw dan pengajarannya dengan isu semasa, Kisah teladan melalui kisah dalam al-Quran atau hadis, motivasi keagamaan, kata-kata hikmah alim ulama silam Muslim dan kata-kata hikmah bijak pandai Non Muslim namun berkaitan dengan Islam. Seterusnya, pensyarah menutup majlis

dengan mengaitkan topik pembelajaran hari ini dengan menyatakan pengajarannya yang mempunyai kaitan dengan diri pelajar sebagai hamba Allah swt.

## Hasil Model PISKA

Dapatan kajian akan menunjukkan bahawa hasil Model PISKA dikatakan sebagai samada seorang insan itu sedar, faham atau yakin bahawa dirinya ialah hamba dan Allah s.w.t. pula sebagai Tuhan yang Esa. Kebiasaannya, insan yang telah mencapai tahap keyakinan bahawa Allah SWT ialah Tuhan yang Esa akan mempamerkan ciri-ciri insan yang soleh dalam bentuk tingkah laku dan kehidupan mereka. Insan yang sedemikian akan menjadikan asas iman sebagai dorongan untuk mereka dalam kehidupan berteraskan fitrah kejadian mereka. Pengajian Pendidikan Islam yang didorong oleh asas iman dan akhirnya menjadikan mereka insan sempurna dengan memiliki ciri-ciri tersebut iaitu pertama, berilmu dan beriman. Kedua, muslim iaitu tunduk dan patuh kepada Allah SWT. Ketiga, berakhlak dan keempat, berkemahiran sebagai pelajar yang sempurna daripada mental dan fizikal di Politeknik. Pelajar yang sempurna dari segi mental dan fizikalnya dapat menggunakan akal rasional dan daya intelektual sebagai pencerap kebenaran, mampu berfikir berpandukan wahyu, dan melaksanakan rujukan dan panduan melebihi alam nyata iaitu sehingga menjangkau alam metafizik serta akhirnya melaksanakan gabungan fikir dan zikir (Agustina, 2011; Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2002; Shafiee bin Hamzah et al., 2015).

Pembangunan ciri-ciri pelajar sempurna akan berlaku sekiranya dalam diri pelajar tersebut terdapat serba sedikit rasa tunduk dan patuh kepada Allah SWT. Rasa itu menjadi dorongan untuknya melaksanakan kehidupan termasuk melaksanakan pengkajian berhubung pembelajaran kerana Allah SWT. Pelaksanaan hidup yang sedemikian akan meningkatkan kualiti pembelajaran para pelajar dan akan meningkatkan ketundukan dan kepatuhannya kepada Allah SWT. Dalam kata lain, ciri tunduk dan patuh kepada Allah SWT yang disandarkan kepada iman akan bertimbal balik atau meningkatkan satu dengan lainnya (Cholik, 2015; Haq, 2015). Menerusi masa, keseluruhan kualiti diri insan itu akan meningkat, jika insan itu sentiasa meletakkan dirinya dalam keadaan tunduk dan patuh kepada Allah SWT.

## Penekanan Model PISKA

Pada asasnya Model PISKA ialah model pembangunan sempurna yang menjadikan pengajaran dan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan di Politeknik sebagai wadah dan jalan untuk mencapai sama ada kesedaran, kefahaman atau keyakinan pelajar kepada keesaan Allah SWT. Model PISKA ini walau bagaimanapun harus dilaksanakan di samping Pendidikan Islam teras iaitu subjek Pendidikan Islam yang diajarkan kini.

Penekanan Model PISKA yang pertama ialah perlu membangunkan roh dan jasad pelajar secara keseluruhannya. Roh pelajar yang termanifestasi dalam bentuk intelek dan rasional dan juga dalam bentuk hati di samping jasadnya akan dibangunkan ketika pengajaran dan pendidikan Islam sama ada secara formal, informal atau non formal. Nafsu insan yang juga merupakan manifestasi roh akan turut dibangunkan apabila akal dan hati insan dibangunkan seperti dalam teori Al-Ghazali, Dalam kata lain, pembangunan nafsu insan akan berlaku apabila

seseorang pelajar itu berusaha membangunkan ilmu dan iman dalam akal dan hatinya (Yusof, 2010).

Penekanan Model PISKA yang kedua ialah pensyarah perlu membangunkan dorongan dalaman pelajar untuk belajar. Dorongan ini akan dibangunkan secara bertahap-tahap mulai daripada dorongan belajar kerana merasa seronok belajar meningkat kepada dorongan belajar kerana berupaya melihat makna proses pengajaran dan pembelajaran, meningkat kepada dorongan belajar kerana berupaya melihat keindahan dan kehebatan ilmu dan akhirnya dorongan belajar kerana rasa tanggungjawab dan iman kepada Allah SWT. Perolehan dorongan dalaman yang terakhir iaitu iman bukan sahaja dapat menjadi dorongan belajar, malah ia berupaya menjadi dorongan untuk pelajar membangunkan diri secara keseluruhannya (Nor Hayati Alwi, 2001). Oleh itu, iman kepada Allah s.w.t. yang dibangunkan melalui pengajaran dan pendidikan pengajian Islam ini berupaya mencetus dan mendorong yang mendorong pelajar membangunkan diri secara seimbang dan harmoni (Mustapha & Zahiah, 2011).

Penekanan Model PISKA yang ketiga ialah pensyarah perlu mengolah isi kandungan pelajaran yang dapat mencetuskan minat dan persediaan minda pelajar untuk menerima ilmu yang disampaikan sehingga timbul unsur sama ada sedar, faham atau yakin dalam diri pelajar bahawa Allah s.w.t. khususnya adalah Pencipta, Tuhan dan Sembahan hidup mereka dan diri mereka pula ialah merupakan hamba dan khalifah Allah SWT di bumi ini seperti dalam teori besar (*Grounded Theory*) Al-Ghazali.

Penekanan Model PISKA yang keempat ialah pensyarah perlu merancang dan melaksanakan strategi pembangunan seimbang yang ditekankan oleh Al-Ghazali dalam konteks mental dan fizikal bagi membangun insan seimbang. Dalam kedua-dua konteks ini strategi pembangunan seimbang harus dirancang dan dilaksanakan (Nur & Abu, 2009; Roziq Syaifudin, 2013).

Penekanan Model PISKA yang kelima ialah pensyarah perlu melaksanakan proses pendidikan yang melibatkan interaksi proses pemindahan budaya Islam dengan proses pengembangan fitrah dan potensi pelajar. Budaya fitrah Islam ialah budaya yang memupuk perolehan ilmu aqli berdasarkan ilmu *naqli* di samping iman dengan menggunakan daya akal dan intelektual yang dibimbing oleh wahyu, melalui langkah-langkah proses fitrah Islam dan pengisian ilmu ketuhanan dengan bantuan sistem pendidikan ketuhanan dan suasana persekitaran yang membangunkan dorongan iman dalam diri pelajar. Dorongan iman itu kemudiannya pelajar bertingkah laku dengan tingkah laku pelajar muslim. Budaya fitrah Islam ini merupakan budaya yang harus disampaikan oleh pensyarah kepada pelajarannya. Penyampaian budaya fitrah tabii Islam itu haruslah dengan tujuan membangunkan fitrah dan mengembangkan potensi pelajar. Penyampaian budaya fitrah itu dengan tujuan sedemikian dapat dilaksanakan dengan pensyarah mengenal pasti tahap pencapaian motivasi dalaman pelajar khususnya iman diikuti dengan proses membangkitkan iman itu sehingga menjadi dorongan yang membangunkan diri pelajar secara keseluruhannya (Bakar, 2012; Noor, 2016; Sidik, Awang, & Ahmad, 2016).

Ilmu yang perlu dikuasai oleh pelajar pula ialah ialah ilmu menurut falsafah ilmu Islam iaitu ilmu yang memiliki adunan ilmu dengan iman (Cholik, 2015; Haq, 2015; M.Said, Monzaid, & Hasan, 2015; Shafiee bin Hamzah et al., 2015).

## Kesimpulan

Secara umumnya tidak dapat dinafikan bahawa permasalahan sosial di kalangan remaja pelajar IPT khususnya dan remaja dalam masyarakat amnya semakin hari semakin meningkat dan sangat membimbangkan. Antara punca utama masalah sosial yang dihadapi remaja ialah kegagalan mereka menguasai kekuatan asas bagi menghadapi kehidupan beradab. Empat kekuatan asas ialah kekuatan akidah, kekuatan ilmu, kekuatan akhlak dan kekuatan ekonomi. Manakala faktor lain berlakunya perkara negatif di atas ialah kejutan budaya di kampus. Iaitu daripada persekitaran yang terkongkong di kampung kepada keadaan yang bebas secara tiba-tiba apabila memasuki IPT dan tinggal beramai-ramai di rumah sewa. Selain dari sebab di atas ialah isu kekosongan jiwa remaja yang tiada pengisian positif ketika menuntut di IPT.

Sedia maklum Falsafah Pendidikan Islam merangkumi pendidikan akidah, ibadah, akhlak, akal, jasmani, rohani, keterampilan, keibubapaan, kemasyarakatan, kepimpinan dan banyak lagi. Pendidikan inilah yang perlu menjadi tajuk penting dalam kurikulum pendidikan Islam agar melahirkan insan soleh sempurna. Selain itu semua pihak juga perlu memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak cemerlang gemilang di masa hadapan. Sifat menuding jari antara kita perlu dielakkan dalam melahirkan insan soleh kamil dunia dan akhirat.

## Rujukan

- Ab. Halim Tamuri, Ismail Ibrahim, Mohd Yusof Othman, Jawiah Dakir, Lilia Halim, Zakaria Stapa, & Noor Atiqah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah: Kajian tahap pengetahuan Islam dan penghayatan Islam. *2nd International Conference on Islamic Education 2011*, 1–15.
- Zainal Abiddin, Norhasni. (2014). “Senario Pembangunan Modal Insan dalam Pendidikan Tinggi di Malaysia” in *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, 4(1): 95-104
- Agustina, R. (2011). Upaya meningkatkan minat belajar mahasiswa melalui model pembelajaran group investigation pada mata kuliah pengetahuan lingkungan di program studi pendidikan biologi. *Sains Reset*, 1(2).
- Alavi, H. R. (2007). Al-Ghazāli on Moral Education. *Journal of Moral Education*, 36, 309–319. doi:10.1080/03057240701552810
- Al-Ghazali. (2002). *Pedoman Orang Takwa dari Kitab Bidayatul Hidayah Terjemahan Haji Osman Jantan*. Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd.
- Azhar, A. (2013). Pendemokrasian sistem pendidikan Islam di Malaysia : Satu tinjauan. *Jurnal Kajian Pendidikan (ATIKAN)*, 3, 59–72.
- Bakar, M. A. A. (2012). Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia ( TITAS ): Kajian Tinjauan Persepsi Pelajar Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia ( TITAS ): Kajian, (August 2016).
- Binti Abdul Rahman, H., Binti Khalifah, Z., Bin Arif, S., Binti Sirin, R., Binti Zainal Abidin, H., & Binti Sulong, N. (2004). *Kajian Mengenai Tahap Kualiti Pendidikan Tinggi Dari Perspektif Pelajar Di Universiti Teknologi Malaysia*. Pusat Pengajian Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Cholik, A. A. (2015). Relasi Akal dan Hati menurut al-Ghazali. *Jurnal Kalimah*, 13, 288–309.

- Corbin, J., & Strauss, A. (2008). Corbin 2008a 6205 week 4.pdf. In *Basics of qualitative research* (pp. 65–86).
- Firdaus, A., Noor, M., Shukor, A., Pendidikan, K. K. P., Al, A. J., Quran, A., ... Thabari, T. A.-. (2013). Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Berdasarkan Kriteria Keperibadian Perspektif Sarjana Islam, 2011(September 2011), 149–164.
- Ghazali Darusalam. (2008). Teori Dan Model Pengajaran Pendidikan Islam. *Seminar Penyelidikan Pendidikan JPN Wilayah Persekuatuan Labuan*.
- Haq, Y. S. dan A. H. (2015). Pendidikan Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali. *At Ta'dib*, 10.
- Kusharyati, I. (2009). Penerapan model pembelajaran kooperatif dengan metode jigsaw untuk meningkatkan penguasaan konsep dalam pembelajaran akuntansi siswa kelas XI IS 5.
- M.Said, S., Monzaid, E., & Hasan, A. (2015). Pembangunan model kompetensi kemahiran hijau ke arah peningkatan kompetensi pensyarah politeknik di Malaysia. *Journal of Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1, 109–117.
- Madar, R. A., Izzah, I. N., & Saifulnizam, P. (2005). Persediaan Pensyarah Politeknik ke Arah Melahirkan Sumber Tenaga Manusia. In *Prosiding Persidangan Kebangsaan ke-2 Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran* (pp. 163 – 173).
- Mohd Fauzi Hamat, M. K. N. C. N. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia (Review on the Importance of Human Capital Development in Malaysia). *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(1), 75–89.
- Mohd Jailani bin Mohd Nor. (2007). Perbandingan pendekatan pendidikan sepadu dalam pembelajaran berasaskan hasil (obe) dengan model pendidikan islam. In *Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina* (pp. 55–63).
- Mohd Roslan, Mohd Nor, Wan Mohd Tarmizi, W. O. (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam. *Jurnal At-Ta'dib*, 6, 59–78. doi:10.1007/s13398-014-0173-7.2
- Mokhtar, S., Mohd Jailani, M. K., Tamuri, A. H., & Abdul Ghani, K. (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor. *Global Journal Al-Thaqafah*, 1, 71–77. doi:10.7187/GJAT072011.01.01
- Mustapha, K., & Zahiah, H. (2011). Pendidikan Islam Kursus Perguruan Lepas Ijazah di Institut Pendidikan Guru Malaysia: Kaedah dan Proses Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan. *Jurnal Kajian Pendidikan (ATIKAN)*, 1, 279–294.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2002). Kurikulum Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Globalisas. In *Prosiding Wacana Pendidikan Islam -Siri 1*. Fakulti Pendidikan.
- Noor, A. F. M. (2016). Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran, (January 2013).
- Nor Hayati Alwi. (2001). Pembentukan Model Pembangunan Insan Kamil dalam Pengajaran Sains. Fakulti Pendidikan.
- Nur, S., & Abu, B. (2009). Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak. *International Seminar on Research in Islamic Studies 2 (ISRIS 2)*.
- Roziq Syaifudin. (2013). Epistemologi Pendidikan Islam Perspektif Al-Ghazali dan Fazlur Rahman. *Episteme*, 8, 285–304.

- Shafiee Hamzah, M., Fairuz Laki, A., Embong, R., Murshidah Nik Din (2015). Penerapan Akidah Dalam Dasar Pendidikan Malaysia: Analisis Terhadap Falsafah Pendidikan Negara dan Islam Hadhari. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari Bil.*
- Sidik, I. F. Bin, Awang, M. M. Bin, & Ahmad, A. R. Bin. (2016). Etos Dan Budaya Sekolah Memberi Kesan Kepada Kemenjadian Pelajar. *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education*, 1, 226–235.
- Yusof, A. S. (2010). *Idea-idea Pendidikan berkesan Al-Ghazali & Konfusius*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.